



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Pemohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### Bil. Iklan: DBKU/

- 1 (a) **Jawatan:** Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
- (b) **Taraf Jawatan:** Tetap
- (c) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
- (d) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan dan Professional, Sokongan
- (e) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
- (f) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Penguatkuasa Dan Persekitaran (ENE)

### 2. **Jadual Gaji Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 (Minimum – Maksimum) :-**

P1	RM 1311.58	-	P1	RM 3599.85
P2	RM 1391.91	-	P2	RM 3851.11
P3	RM 1475.66	-	P3	RM 4073.20

### 3. **Skop Tugas:**

#### Unit Pengurusan Sisa Pepejal

1. Merancang, rekabentuk, melaksana dan menyelia program pembersihan bandaraya termasuk pembersihan jalanraya, bahu jalan, "grass verges", tempat pejalan kaki, letak kereta awam, jejantas, perhentian bas, dan lain-lain kawasan awam secara tetap ataupun semasa keramaian samada melalui tenaga kerja DBKU ataupun kontraktor yang dilantik.
2. Mengurus operasi dan penyelenggaraan tandas-tandas awam DBKU.
3. Mengurus hal konsesi pengurusan sampah oleh pemegang konsesi yang dilantik.
4. Menyiasat, mengambil tindakan pembedahan dan melaporkan ke atas sebarang aduan atau maklumbalas yang diterima berkaitan dengan tugas.
5. Merancang dan menjadual kerja untuk kakitangan Unit Pengurusan Sisa Pepejal (SUWM) untuk memastikan pengagihan tugas yang sempurna dengan pembekalan tenaga kerja, kemudahan dan ruang yang mencukupi.
6. Memimpin dan memberi tunjuk arah kepada kakitangan di unit bawah jajaan.
7. Menyelia pelbagai tugas kakitangan termasuk rekomendasi perlantikkan, penilaian prestasi, rekomendasi kenaikan pangkat, penjadualan cuti dsbnya. Membangunkan kakitangan untuk merangsang peningkatan aktiviti dan kecekapan.

8. Membantu Ketua Bahagian di dalam urusan aktiviti-aktiviti di bawah Projek Bandaraya Sejahtera Kuching.
9. Menyediakan deraf belanjawan tahunan untuk program di bawah unit masing-masing.
10. Memproses sebarang keperluan untuk mendapatkan bekalan ataupun perkhidmatan mengikut peruntukkan dan syarat kewangan yang digunapakai oleh DBKU.
11. Melaksanakan lain-lain tugas yang berkaitan.

#### Unit Kawalan Vektor

1. Merancang, rekabentuk, melaksana dan menyelia program kawalan vektor termasuk aktiviti Kawalan Denggi, Kawalan Haiwan Terbiar ("Stray Animals Control"), Pemantauan Semak Samun, Kawalan Rodensia, Pemantauan Tapak Pembuangan Sampah Haram dan Kawalan Serangga Perosak/Berbisa.
2. Merancang, melaksana dan menyelia program penguatkuasaan undang-undang kesihatan persekitaran termasuk Local Authority Ordinance 1996, Protection of Public Health 1999, Destruction of Disease Bearing Insect Act 1975, Dog License By-Law dan lain-lain undang-undang berkaitan.
3. Menyiasat, mengambil tindakan pembedahan dan melaporkan ke atas sebarang aduan atau maklumbalas yang diterima berkaitan dengan tugas.
4. Menjadual dan menyelia kerja untuk aktiviti fogging bila berlaku kes denggi atau J.E. atau bila diperlukan.
5. Menyediakan laporan aktiviti kawalan denggi DBKU untuk dihantar ke Kementerian Kesihatan Malaysia.
6. Merancang dan menjadual kerja untuk kakitangan Unit Kawalan Vektor (VC) untuk memastikan pengagihan tugas yang sempurna dengan pembekalan tenaga kerja, kemudahan dan ruang yang mencukupi.
7. Memimpin dan memberi tunjuk arah kepada kakitangan di unit bawah jajaan.
8. Menyelia pelbagai tugas kakitangan termasuk rekomendasi perlantikkan, penilaian prestasi, rekomendasi kenaikan pangkat, penjadualan cuti dsbnya. Membangunkan kakitangan untuk merangsang peningkatan aktiviti dan kecekapan.
9. Menyediakan deraf belanjawan tahunan untuk program di bawah unit masing-masing.
10. Memproses sebarang keperluan untuk mendapatkan bekalan ataupun perkhidmatan mengikut peruntukkan dan syarat kewangan yang digunapakai oleh DBKU.
11. Melaksanakan lain-lain tugas yang berkaitan.

#### 4. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29**

- (c) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29:P1);

Dan

- (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk) lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

#### Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, sila hantar permohonan dengan menulis surat yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:-

**Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia  
Dewan Bandaraya Kuching Utara  
Tingkat 3, Bangunan DBKU  
Bukit Siol, Jalan Semariang  
Petra Jaya, 93050 Kuching**

Permohonan daripada kakitangan kerajaan hendaklah, mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:

- (a) Laporan Sulit
- (b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- (c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Tutup Permohonan: 06 Julai 2012**

#### Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.